

Meneroka Strategi Daya Tindak Golongan Ibu dalam Menjaga Anak Kurang Upaya Kategori Cerebral Palsy

(*Exploring Coping Strategies of Mother in Taking Care of a Child with Cerebral Palsy Disability*)

THARSHINI SIVABALAN, EZARINA ZAKARIA & AIZAN SOFIA AMIN

ABSTRACT

Living with a disabled person can bring significant effects to the entire family members especially for parents, siblings and next of kin because they need to undergo a peculiar experience which can influence different aspect of family functioning. Thus, this article examines coping strategies of mothers who take care of their child with Cerebral Palsy disability. Data is collected using a qualitative approach among six mothers who have a child with Cerebral Palsy disability. In-depth interview was conducted to gather information regarding informants' coping strategies in taking care of their children. All the informants who took part in this study were mothers in the age range between 33 to 52 years old with an average income rate between RM1,200 to RM3,000 and have two to three children. The findings also indicate that informants' practiced four types of coping strategies namely; (i) self-control, (ii) social support, (iii) accepting responsibilities and (iv) solving problems with a proper planning in overcoming stress and crisis in their life. As an overall impact, the study provided implications to the concerned parties to empower and emancipate mothers by providing effective psychological counselling to overcome challenges in taking care of their disabled child.

Keywords: *Coping; strategies; mother; disability; Cerebral Palsy*

ABSTRAK

Pengalaman tinggal bersama individu yang mempunyai masalah ketidakupayaan mampu memberi kesan signifikan terhadap keseluruhan ahli keluarga terutamanya kepada ibu bapa, adik-beradik dan saudara-mara sehingga mempengaruhi kefungsian sesebuah keluarga. Oleh yang demikian, artikel ini mengenal pasti strategi daya tindak golongan ibu yang menjaga anak kurang upaya kategori Cerebral Palsy (CP). Kajian menggunakan pendekatan kualitatif telah dijalankan terhadap enam orang ibu yang mempunyai anak kurang upaya kategori Cerebral Palsy. Kaedah temubual mendalam digunakan untuk mengumpul data berkaitan strategi daya tindak yang diperlakukan oleh golongan ibu dalam menjaga anak mereka. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa informan yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada golongan ibu yang berusia 33 hingga 52 tahun dengan pendapatan bulanan sebanyak RM1,200 hingga RM3,000 serta mempunyai dua hingga tiga orang anak. Dapatkan kajian juga mendapati bahawa informan mempraktikkan empat jenis strategi daya tindak iaitu; (i) strategi daya tindak kawalan diri, (ii) strategi daya tindak sokongan sosial, (iii) strategi daya tindak penerimaan tanggungjawab dan (iv) strategi daya tindak penyelesaian masalah secara terancang dalam menangani tekanan dan krisis dalam kehidupan mereka. Dapatkan kajian memberi implikasi kepada pihak yang berkepentingan dalam membantu golongan ibu bagi memperkasa serta memberikan perkhidmatan psikososial dan kaunseling agar cabaran penjagaan anak kurang upaya dapat dikurangkan.

Kata kunci: *Daya tindak; strategi; ibu; kurang upaya; Cerebral Palsy*